



# Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

**BH**  
Berita Harian

## MPOB lancar jentera angkut pelbagai guna

» **Kenderaan pengangkut sesuai di tanah gambut**

Oleh **Noor Asmawati Abdul Samad**  
watie@mpob.gov.my

► **BANGI:**

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melancarkan jentera pengangkut sawit dilengkapi tayar yang boleh digunakan di semua keadaan permukaan tanah dikenali sebagai 'Rhyno'. 'Rhyno' dibangunkan dengan kerjasama Mizou Holdings Sdn Bhd sebagai kesinambungan kepada jentera pengangkut sawit dikenali 'Beluga' yang sebelum ini dibangunkan khas bagi kerja mengangkut sawit di kawasan tanah gambut.

Berasaskan kejayaan jentera 'Beluga', MPOB dan Mizou mengembangkan kerjasama dengan memperkenalkan jentera 'Rhyno' yang lebih kom-



Tan Sri Bernard Dompok semasa melancarkan jentera 'Rhyno' sempena Perasmian Seminar Kebangsaan Mengenai Mekanisasi Ladang Sawit 2012. Turut kelihatan Timbalan KSU MPIC, Ahmad Saunuri Shahid (kanan); Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kiri) dan Pengarah Urusan Mizou Holdings, Hartini Hassan (kiri).

pak dan berdaya saing bagi kegunaan di ladang sawit serta lebih mudah dikendalikan.

'Rhyno' berkeupayaan mengangkut sawit dengan kapasiti mencecah 700 kilogram.

Jentera yang dilengkapi 'Power-Take-Off' (PTO) membolehkannya berfungsi sebagai jentera pelbagai guna ter-

masuk digandingkan bersama penyembur baja dan racun rumpai serta perosak.

'Rhyno' yang dikendalikan dua operator ladang berupaya mengangkut 20 hingga 25 tan buah tandan segar sehari berbanding kaedah konvensional.

Pembangunan jentera 'Rhyno' di harap akan membantu

tugas mengangkut sawit dengan lebih efisien.

Pelancaran jentera berkenaan disempurnakan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok sempena Perasmian Seminar Kebangsaan mengenai Mekanisasi Ladang Sawit di sini, baru-baru ini.

## Duti eksport MSM diturun tingkat daya saing

Oleh **Che Johari Mamat**  
mjohari@mpob.gov.my

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan bersetuju menurunkan kadar duti eksport minyak sawit mentah (MSM) kepada 4.5 peratus hingga 8.5 peratus daripada 23 peratus masa kini berkuat kuasa 1 Januari 2013.

Pelaksanaan inisiatif itu membolehkan kilang penapis minyak sawit dalam negara mendapatkan bekalan MSM dengan harga lebih murah dan sekali gus berupaya menghasilkan produk pada harga berdaya saing di pasaran dunia.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata demikian sewaktu sidang media sempena perasmian Hari Koko dan Coklat Malaysia 2012, di sini, baru-baru ini.

"Inisiatif itu adalah untuk meningkatkan daya saing industri sawit negara seterusnya merangsang eksport komoditi itu ke pasaran dunia yang mengalami penurunan harga sejak kebelakangan ini," katanya.

"Kadar ditetapkan pada sembilan tahap antara 4.5 peratus hingga 8.5 peratus dan tertakluk kepada jajaran harga pasaran MSM antara RM2,250 satu tan hingga RM3,600 satu tan," katanya.

### INFO

#### Struktur duti eksport baru MSM

Harga MSM	Kadar duti eksport
⊙ RM2,250 – RM2,400	4.5 peratus
⊙ RM2,401 – RM2,550	5.0 peratus
⊙ RM2,551 – RM2,700	5.5 peratus
⊙ RM2,701 – RM2,850	6.0 peratus
⊙ RM2,851 – RM3,000	6.5 peratus
⊙ RM3,001 – RM3,150	7.0 peratus
⊙ RM3,151 – RM3,300	7.5 peratus
⊙ RM3,301 – RM3,450	8.0 peratus
⊙ RM3,451 – RM3,600	8.5 peratus

Tan Sri Bernard Dompok berkata, duti eksport baru ini berdasarkan harga pasaran semasa MSM dan tidak seperti di Indonesia, yang mana kadar duti eksportnya akan disamak pada setiap bulan.

"Struktur duti itu hanya dikuatkuasa untuk pengeksportan MSM dan tidak terpakai kepada produk sawit yang lain," katanya.

## Kapasiti tangki simpanan minyak sawit cukup

**KUALA LUMPUR:** Kapasiti simpanan minyak sawit negara masih besar meskipun inventornya bulan lalu berada pada paras tertinggi dalam sejarah, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Beliau menjelaskan, kapasiti simpanan minyak sawit negara adalah 5.2 juta tan, iaitu lebih dua kali ganda lebih tinggi daripada jumlah inventori setakat bulan lalu sebanyak 2.48 juta tan.

Paras inventori semasa itu juga katanya tidak besar berbanding jumlah pengeluaran keseluruhan.

"Meskipun harga minyak sawit tidak begitu membebankan sejak beberapa minggu lalu, permintaannya kekal kukuh," katanya menyampaian ucapan pada

pameran Perdagangan dan Seminar Sawit 2012 (POTS) di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas spekulasi kononnya jumlah inventori minyak sawit melebihi jumlah kapasiti simpanan adalah penyebab utama kepada penurunan harga komoditi ketika ini.

### Kekal bekalan

Tegasnya, perkara paling mustahak dalam ketika ini ialah mengekalkan bekalan minyak sawit mencukupi bagi pasaran dunia dan pada harga berseesuaian.

"Kami yakin industri sawit sedia untuk berdepan cabaran ini," katanya.

Sementara itu, Tan Sri Bernard Dompok berkata, nilai eksport minyak sawit Malaysia dijangka mencatatkan penu-

runan tahun ini selepas merekodkan paras tertinggi RM80.4 bilion pada tahun 2011.

Namun, beliau menegaskan, ia juga bergantung kepada bagaimana pasaran bertindak balas untuk baki tahun ini.

"Unjuran tidak memberi makna masa ini. Ia banyak bergantung kepada reaksi pasaran selepas ini," katanya.

Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, nilai eksport sawit negara RM54 bilion, merosot 10 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Penurunan harga minyak sawit kebanyakan disebabkan perubahan rejim cukai di Indonesia dan dikatakan menjadi faktor utama nilai eksport lebih rendah itu.

Indonesia, pengeluar minyak sawit terbesar dunia me-

lebarkan jurang antara cukai eksport minyak sawit mentah (MSM) dan minyak sawit diproses untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan hiran serta pengeluaran produk sawit diproses.

Berikutan itu, harga MSM untuk pengusaha hiran di republik itu lebih murah.

Mengenai pengurangan kadar cukai MSM di negara ini, Tan Sri Bernard Dompok berkata, struktur baru itu hanya akan berkuat kuasa tahun depan kerana kerajaan mahu memberikan tempoh pelarasan mencukupi kepada firma penapisan tempatan.

"Ia adalah tempoh peralihan kepada industri, sebab itulah kerajaan mengambil sedikit masa melaksanakan struktur itu tahun depan," katanya.

Kilang-kilang sawit merupakan komponen penting dalam pengeluaran minyak sawit negara. Semua buah tandan segar (BTS) mesti diproses di kilang sawit. Pada tahun 2011, sebanyak 18.9 juta tan minyak sawit mentah (CPO) telah dihasilkan oleh 426 buah kilang di Malaysia. Model bisnes kilang-kilang secara konvensional adalah setakat memproses BTS untuk mengeluarkan CPO dan isirong sawit. Produk-produk ini merupakan hasil keluaran utama kilang-kilang sawit.

Di bawah Program Transformasi Ekonomi negara, kilang-kilang sawit dikehendaki meningkatkan prestasi masing-masing dan mengoptimalkan hasil keluaran mereka. Di bawah projek permulaan No. 4 (Entry Point Project No. 4), kadar perahan minyak (OER) disasarkan untuk meningkat daripada 20% pada masa ini ke 23% menjelang 2020. Untuk setiap 1% kenaikan OER, hampir 1 juta tan minyak sawit tambahan bernilai lebih kurang RM2.5 bilion diperoleh negara. Ini bermakna sebanyak RM7.5 bilion dapat diperoleh sekiranya sasaran



**MINDA**  
Datuk Dr Choo  
Yuen May

Ketua Pengarah  
MPOB

23% ini tercapai. Untuk mencapai objektif ini, MPOB telah menempatkan pegawai-pegawai penguatkuasa di kilang-kilang sawit bagi memastikan BTS muda yang kurang kandungan minyak tidak dituai dan dihantar kekilang-kilang. Disamping itu, amalan-amalan baik digalakkan di kilang-kilang untuk mengurangkan kehilangan minyak dalam pemprosesan di kilang.

Di bawah EPP5, semua kilang digesa memasang alat pemerangkapan biogas. Ini mencapai dua objektif: pertama, biogas dari efluen kilang sawit boleh menjadi sumber tenaga boleh diperbaharu, dan kedua, pelepasan gas rumah hijau dapat dikurangkan. (Biogas dari efluen kilang sawit mengandungi 65% metana, sejenis gas rumah hijau yang mempunyai potensi pemanasan global 23 kali ganda berbanding karbon dioksida). Setakat ini, sebanyak 56 buah kilang telah memasang sistem pemerangkap biogas, 15 lagi dalam pembinaan dan 150 dalam perancangan.

Pengilang-pengilang sawit hendaklah mengubah paradigma dan mempelbagai aktiviti-aktiviti di kilang demi mengoptimalkan pulangan ekonomik. Kilang sawit sekarang bukanlah hanya pengeluar CPO dan isirong sawit. Ianya adalah pengeluar biojisim, tenaga, dan juga berpotensi mengeluarkan lain-lain produk berasaskan biojisim sawit. Aktiviti-aktiviti seperti pengekstrakan minyak dari gentian mesokarpa, pengeluaran gentian sawit dari buah tandan kosong, pengeluaran biopellet, pengeluaran biokompost, pengeluaran tenaga boleh diperbaharu, dan sebagainya boleh dijadikan aktiviti-aktiviti utama kilang sawit.

Sehubungan dengan ini, MPOB akan menganjurkan National Seminar on Palm Oil Milling, Refining, Environment and Quality (POMREQ) dari 27-28 November 2012 di Kota Kinabalu, Sabah. Perkembangan-perkembangan terbaru dalam aktiviti-aktiviti ini akan dibentangkan. Diharap semua pihak industri, terutamanya pengilang-pengilang dapat menyertai seminar ini. Semoga amalan-amalan baru ini dilaksanakan di kilang-kilang dan seterusnya meningkatkan pendapatan industri sawit negara. choo@mpob.gov.my

# MPIC himpun pekebun kecil, usahawan komoditi

» Kerajaan usaha majukan industri

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

■ MELAKA

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) baru-baru ini menganjurkan Persidangan Pekebun Kecil dan Usahawan Komoditi Kebangsaan 2012 yang dirasmikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Persidangan yang julung kali dianjurkan itu adalah antara usaha MPIC bagi menghimpunkan pekebun kecil dari industri komoditi utama negara merangkumi sawit, getah, koko, lada dan kenaf serta usahawan sektor kayu bagi tujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai perkembangan terkini industri komoditi negara.

Sewaktu berucap merasmikan persidangan itu, beliau berkata industri perladangan dan komoditi adalah industri yang memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk luar bandar, terutamanya pekebun kecil.

"Saya percaya dengan tema 'Komoditi Teguh, Ekonomi Kukuh', persidangan ini dapat memberi manfaat kepada peserta dan seterusnya memberi impak kepada pembangunan sek-



Tan Sri Bernard Dompok bersama penerima **Anugerah Pekebun Kecil dan Usahawan Komoditi peringkat kebangsaan 2012** semasa perasmian persidangan berkenaan. Turut kelihatan KSU MPIC, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (lima dari kiri) dan Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad (empat dari kiri).

tor komoditi di negara ini.

"Kerajaan mengambil pelbagai langkah untuk memajukan sektor komoditi termasuk menggalakkan pelaburan di sektor perkilangan seperti menceburi sektor keusahawanan yang berasas produk hiliran komoditi bernilai tambah tinggi.

"Bagi merealisasikan hasrat ini, MPIC melalui agensi-agensinya iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (LLM) dan Lembaga Kenaf & Tembaku Negara (LKTN) akan terus melaksanakan pelbagai program bagi mentransformasi industri komoditi agar memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Tan Sri Bernard berkata, pekebun kecil perlu berubah ke arah yang lebih cemerlang dan maju selari arus pembangunan. Oleh itu mereka perlu meningkatkan pengetahuan dan kema-

hiran yang ada supaya lebih produktif.

"Ini kerana, industri perladangan dan komoditi perlu berkembang dengan lebih pesat lagi bagi menghadapi pelbagai isu, termasuk saingan guna tanah dengan aktiviti lain dan saingan makanan dengan bahan api," katanya.

Pekebun kecil perlu meningkatkan penggunaan teknologi dan inovasi untuk mengatasi kekangan itu bagi mengandaskan pengeluaran produk agar terus berdaya saing.

"Ini juga sekali gus bagi memastikan sasaran meningkatkan pendapatan isi rumah kepada RM48,000 setahun tercapai menjelang tahun 2020," katanya.

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah kunci kejayaan kepada sektor komoditi. Contohnya sektor sawit saja peruntukan R&D berjumlah RM1.4 bilion yang disediakan untuk tempoh 2006-2012.

"Hasilnya, sebanyak 600 inovasi dan teknologi baru berjaya dibangunkan dan 30 peratus daripadanya dikomersialkan," katanya.

## RM2.9b perkasa pekebun kecil

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

**MELAKA:** Sebanyak RM2.9 bilion diperuntukkan Kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) untuk membantu memperkasakan kira-kira 700,000 pekebun kecil di negara ini menerusi Bajet 2013 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, baru-baru ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata peruntukan berkenaan turut membantu usahawan komoditi utama negara yang merangkumi sawit, getah, koko, lada, kenaf dan kayu.

Menurutnya, industri sawit negara tahun lepas menyumbang sebanyak RM141.2 bilion kepada pendapatan eksport negara.

Nilai berkenaan adalah 20 peratus daripada keseluruhan eksport negara berjumlah RM695 bilion dan ia lebih tinggi daripada petroleum dan gas.

Sehubungan itu, beliau berharap dengan adanya peruntukan daripada kerajaan itu, sumbangan sektor berkenaan akan berterusan pada tahun-tahun akan datang.

"Peruntukan RM2.9 bilion itu juga adalah bukti kerajaan prihatin membantu golongan pekebun kecil dan usahawan dan ia sekali gus memastikan sumbangan industri ini berterusan kepada pertumbuhan ekonomi negara di masa hadapan.

"Ia juga menunjukkan kerajaan komited memodenkan industri komoditi bagi meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa, di samping menggalakkan pelaburan di sektor perkilangan berasaskan komoditi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pekebun Kecil dan Usahawan Komoditi Kebangsaan 2012 yang dihadiri 1,000 peserta di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh di sini baru-baru ini.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, daripada peruntukan RM2.9 bilion itu, sebanyak RM432 juta dikhususkan untuk penanaman baru dan semula komoditi sawit.

Tambahnya, kawasan seluas 42,500 hektar disasarkan kementerianya untuk tujuan itu, yang mana 45 peratus daripadanya untuk tanam baru dan 55 peratus lagi untuk tanam semula di seluruh negara.

"Tumpuan tidak hanya diberikan terhadap industri sawit dan getah semata-mata untuk memajukan sektor perladangan.

"Sebaliknya kerajaan turut berusaha memajukan komoditi lain yang mempunyai potensi seperti kayu-kayu, koko, lada, kenaf dan sagu.

"Kerajaan amat serius dan prihatin untuk memajukan industri perladangan dan komoditi serta terus membantu pekebun kecil dalam meningkatkan produktiviti dan pendapatan mereka," jelasnya.

Beliau berkata, dalam masa yang sama, pekebun kecil juga perlu memainkan peranan masing-masing untuk meningkatkan daya saing terutamanya dari segi produktiviti dan jati diri serta tidak terlalu bergantung kepada bantuan disediakan kerajaan.

Pada majlis itu, seramai enam orang menerima anugerah Pekebun Kecil dan Usahawan Komoditi Kebangsaan 2012.

Mereka ialah Mohd Janis Abu Bakar, 55, bagi sektor sawit; Bujang Ajis, 51, (getah); Manja Nyaling, 44, (koko); Jepun Lamit, 51, (lada); Siti Naterah Awang, 59, (kenaf) dan Karaz Synergy Sdn. Bhd. (usahawan komoditi).

Turut hadir, Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim dan Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad.

# Usah bergantung pada pekerja asing

» Tenaga kerja mahir di kalangan belia tempatan amat diperlukan

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

Muadzam Shah

Tenaga kerja mahir di kalangan belia tempatan amat diperlukan dalam sektor perladangan komoditi negara bagi memastikan sektor ini tidak

lumpuh dan sekali gus mengurangkan bilangan dan tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainudin, berkata industri berkenaan adalah penyumbang utama pendapatan negara dengan nilai RM114.2 bilion pada tahun 2011.

Kementerian yakin sektor perladangan dan komoditi mampu menjana lebih keuntungan kepada pendapatan negara pada masa akan datang, justeru Kerajaan mengambil inisiatif menubuhkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC).

"Namun agak merisaukan sektor ini terlalu bergantung kepada

tenaga pekerja mahir asing," katanya.

Statistik bulan Disember 2011 menunjukkan penggunaan tenaga pekerja asing mencecah kepada 373,049 orang iaitu kira-kira 75.29 peratus dari keseluruhan tenaga kerja yang direkodkan, iaitu berjumlah 491,339 orang.

"Sebanyak 197,423 daripada keseluruhan tenaga kerja membatik kerja penuaian dan daripada jumlah itu 92 peratus atau 181,661 orang adalah tenaga pekerja asing," katanya.

## Belia perlu rebut peluang

Keadaan ini bukan perkembangan positif untuk industri ini, katanya sewaktu berucap meras-

mikan Majlis Penyampaian Sijil Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) di Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA), di sini, baru-baru ini.

Dato' Hamzah berkata, belia tempatan perlu merebut peluang dan menyertai kursus dianjurkan IMPAC dan MPOB seperti kejenteraan ladang bagi menambah kemahiran mereka.

"IMPAC yang ditubuhkan pada 4 November 2010 adalah untuk melatih dan melahirkan tenaga kerja mahir tempatan serta berpengetahuan yang mencukupi dan kompeten dalam industri komoditi negara," katanya.

Untuk mencapai hasrat itu, IMPAC menggariskan beberapa strategi penting seperti bekerjasama

dengan pihak industri dalam merangka kurikulum kursus agar pengajian dan latihan dapat menarik minat belia tempatan dan pada masa yang sama memenuhi kehendak industri.

Katanya, melalui kursus berkenaan mereka dapat belajar cara mengendalikan jentera untuk mengurus kerja-kerja di ladang yang sebelum ini dikuasai oleh pekerja asing.

"IMPAC akan berusaha mengawal dan mengurangkan kebajikan tenaga pekerja asing ini kerana bukan sahaja boleh menimbulkan gejala sosial yang tidak sihat, malah menyebabkan kerugian dari aspek ekonomi menerusi pengaliran keluar wang negara," katanya.

## Pengerusi MPOB bentang kertas kerja di persidangan WAZA

Oleh Dr. Kalanithi Nesaretnam  
sarnesar@mpob.gov.my

**Melbourne:** Persatuan Zoo dan Akuarium Dunia (WAZA) mengadakan mesyuarat dan persidangan tahunan dihoskan Zoo Melbourne yang menyambut ulang tahunnya yang ke-150 baru-baru ini. Persidangan diadakan dari 4 hingga 6 Oktober.

WAZA mempunyai lebih 300 keahlian terdiri daripada zoo-

zoo dan akuarium-akuarium terkemuka, persatuan-persatuan zoo dan akuarium peringkat serantau dan kebangsaan serta organisasi bersekutu dari seluruh dunia.

### Tema 'Melawan Kepupusan'

Persidangan ini dirangka rapi agar dua hari pertama memberi fokus kepada pembentangan kertas kerja teknikal di mana pada tahun ini temanya ialah 'Melawan Kepupusan.'

Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad, membentangkan kertas kerja bertajuk 'In situ Conservation Efforts in Sabah' di Sesi Pe-

muliharaan di Lapangan ('Field Conservation') yang dipengerusikan Jenny Gray, Ketua Pegawai Eksekutif Zoos Victoria.

Tan Sri Shahrir memulakan pembentangan dengan memperkenalkan Malaysia dan Sabah khususnya.


"Ladang sawit secara tidak langsung mengakibatkan kepupusan habitat orang utan terutama di Hilir Kinabatangan," kata Tan Sri Shahrir.

"Kajian yang dilakukan HUTAN, sebuah badan bukan Kerajaan yang bergiat cergas di

dalam usaha pemuliharaan orang utan di Sabah mendapati bahawa orang utan memerlukan hutan semula jadi untuk memastikan mereka terus hidup. Orang utan juga meluangkan banyak masa di hutan kecil yang bersempadan atau yang wujud di dalam ladang sawit" ujarnya.

Orang utan juga membina sarang di atas pokok sawit. Oleh kerana itu, ladang sawit perlu me-

wujudkan koridor hutan bagi mempermudah pergerakan orang utan dari satu hutan kecil ke satu hutan kecil lain.



Tan Sri Shahrir Abdul Samad bersama Pengerusi WAZA, Jörg Junhold (kiri) sempena **Persidangan Persatuan Zoo dan Akuarium Dunia** di Melbourne baru-baru ini.

Tambah beliau: "Sejak tahun 2003, beberapa siri kolokium diadakan yang pada akhirnya membuahkan hasil di mana pelan tindakan dilancarkan pada Januari 2012 bagi tiga spesies haiwan paling terancam iaitu orang utan, gajah dan badak sumbu."

### 11 strategi

Tan Sri Shahrir pada sesi pembentangan berkongsi dengan peserta 11 strategi yang digariskan di dalam Pelan Tindakan bagi orang utan.

Sebahagian daripada strategi ini sudah pun dilaksanakan. Sebagai contoh, 300,000 hektar hutan komersial di Sabah digazetkan semula sebagai hutan terpelihara.

Beliau turut membincangkan usaha pemuliharaan yang

dijalankan WAZA dan sebahagian zoo yang mengadakan kempen pendidikan kepada pengunjung zoo di dalam bentuk poster yang berbentuk anti minyak sawit.

"Sudah terdapat 11 projek pemuliharaan di Malaysia dan juga di Indonesia bermula sejak 1993. Saya merasakan adalah tidak wajar untuk zoo-zoo ini mengadakan kempen anti minyak sawit dan ini harus diberhentikan dengan segera," desak beliau.

Beliau mengakhiri pembentangan dengan menyatakan bahawa Malaysia sudah pun mengeluarkan minyak sawit yang diperakui kemampuannya dan juga mengamalkan usaha pemuliharaan di peringkat operasi ladang sawit.

## Cadangan pemberian insentif dikaji

Dari muka 1

Duti eksport 23 peratus yang dilaksanakan masa kini dianggap terlalu tinggi oleh peserta industri negara dan kurang kompetitif berbanding kadar duti eksport yang dilaksanakan Indonesia.

Katanya, sejajar penurunan duti eksport ini, Kerajaan turut mengumumkan pemberhentian kemudahan pengecualian duti eksport MSM juga berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, Kerajaan juga sedang berbincang dengan pihak terbabit mengenai pelaksanaan program B10 (adunan 10 peratus biodiesel sawit dengan diesel petroleum) bagi sektor tidak bersubsidi.

"Langkah ini dijangka dapat meningkatkan penggunaan CPO sebanyak 300,000 tan setahun. Pada masa ini, program penggunaan adunan 5 peratus biodiesel sawit dengan 95 peratus diesel petroleum (Program B5) dilaksanakan Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Program B5 ini menggunakan 112,000 tan CPO setahun," katanya.

"Kerajaan juga sedang menimbang cadangan pemberian insentif untuk tanaman semula pokok-pokok sawit yang tua dan tidak produktif," katanya.

Katanya, adalah dianggarkan terdapat kawasan seluas 100,000 hektar yang sesuai ditanam semula dan langkah ini akan dapat mengurangkan penawaran CPO sebanyak 300,000 tan.

Kerajaan akan meneruskan usaha untuk meningkatkan daya saing industri sawit negara bagi memastikan pengusaha tanaman sawit dapat meraih sepenuhnya faedah daripada tanaman ini.

"Tumpuan juga akan diberikan bagi membantu penanam sawit terutamanya pekebun kecil yang mengusahakan hampir 40 peratus daripada tanaman sawit negara seluas 5 juta hektar," katanya.

## Industri sawit dijangka terus kukuh pada masa depan

**Bangi:** Dewan Rakyat dimaklumkan bahawa sumbangan industri sawit kepada pendapatan eksport negara dijangka terus kukuh pada masa depan berdasarkan harga minyak sawit yang kompetitif berbanding minyak sayuran lain, selain kegunaannya sebagai bahan makanan dan industri.



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainudin, berkata tahun lalu, industri sawit menyumbang RM83.4 bilion kepada pendapatan eksport negara.

### Sawit sektor penting

"Ini menunjukkan bahawa sawit adalah sektor penting yang menyumbangkan kepada pendapatan eksport negara.

"Tahun lalu, industri sawit menyumbang RM83.4 bilion kepada pendapatan eksport negara. Ini menunjukkan bahawa sawit adalah sektor penting yang menyumbangkan kepada pendapatan eksport negara"

**Dato' Hamzah Zainudin,** Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

perolehan eksport produk berasaskan sawit masa kini dan jumlah negara yang ditumpukan bagi mengeksport produk berasaskan sawit.

### China destinasi utama

Beliau berkata produk sawit negara kini dieksport ke lebih 150 negara dengan destinasi utama eksport pada tahun lalu ialah China dengan nilai eksport 19.1 peratus, Eropah (12.3 peratus), Pakistan (7.5 peratus) dan Amerika Syarikat (7.1 peratus).

Bagi Januari hingga Ogos 2012, katanya jumlah pendapatan eksport produk sawit adalah RM47.4 bilion dengan negara berkenaan masih kekal sebagai pasaran utama produk sawit Malaysia.

# MPOB-UTHM meterai perjanjian

» Kerjasama dijalin bagi penyelidikan, pembangunan teknologi tuaian

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

► Bangi

**M**POB dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menandatangani perjanjian bagi penyelidikan dan pembangunan teknologi penuaian sawit di sini, baru-baru ini.

Majlis menandatangani perjanjian berkenaan sempena Perasmian Seminar Kebangsaan mengenai Mekanisasi Ladang Sawit dan disaksikan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan



Tan Sri Bernard Dompok menyaksikan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Naib Canselor UTHM, Datuk Prof. Dr Mohd Noh Dalimin bertukar dokumen perjanjian di Bangi, baru-baru ini. Turut kelihatan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Mohd Sanuri Shahid.

Sri Bernard Dompok.

Pada majlis itu MPOB diwakili Ketua Pengarah, Datuk Dr Choo Yuen May dan UTHM diwakili Naib Canselor, Datuk Prof. Dr Mohd Noh Dalimin.

Datuk Dr Choo berkata, perjanjian berkenaan dijalin bagi

kerjasama penyelidikan dan pembangunan mengenai mekanisasi perladangan terutama teknologi penuaian sawit.

Katanya lagi, dengan kepakaran dan sumber yang dimiliki kedua belah pihak, kerjasama ini diharap akan menyumbang

kepada perkembangan penyelidikan dalam bidang mekanisasi perladangan.

Majlis turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Mohd Sanuri Shahid.

## Ketua Pengarah ketuai delegasi ke Colombia

Oleh Shamala Sundram  
shamala@mpob.gov.my

**Colombia:** Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, mengetuai delegasi MPOB ke Colombia bagi menyertai Persidangan Sawit Antarabangsa ke-17 yang berlangsung di Convention Center, Cartagena de Indias di Bogota pada 25 hingga 28 September 2012 anjuran Research Centre for Oil Palm - Centro de Investigación en Palma de Aceite (Cenipalma), Colombia.

Pada persidangan itu beliau menyampaikan ucapan bertajuk 'Sustainable Oil Palm Industry - The Malaysian Case' dan satu lagi kertas kerja bertajuk 'Innovations Towards Enhancing The Value of Oils and Fats'.

Sempena persidangan berkenaan, MPOB dengan kerjasama Cenipalma dan International Society of Oil Palm Breeding (ISOPB) turut menganjurkan seminar 'International Seminar on Breeding for Oil Palm Disease Resistance' di Bogota pada 24 September.

### Bincang penyakit 'Bud Rot'

Seramai 70 peserta menghadiri seminar bagi membincang pelbagai isu berkaitan pembiakbaian anak sawit bagi menghasilkan pokok sawit

yang rintang terhadap penyakit.

Seminar juga turut membincangkan isu penyakit 'Bud Rot' atau reput pucuk. Penyakit ini amat dikhuatiri akan merebak ke rantau Asia walaupun pada ketika ini hanya mengancam beberapa kawasan di negara Amerika Latin.

Sehingga kini, belum ada kaedah rawatan yang berkesan untuk mengawal penyebaran dan mengubati penyakit ini.

### Pasukan petugas khas

Menyedari masalah yang dihadapi, MPOB mengambil inisiatif menubuh satu Pasukan Petugas Khas untuk menangani isu penyakit ini dengan cara yang lebih berkesan.

Pasukan petugas ini terdiri daripada wakil industri sawit tempatan dan luar negara. Mereka akan mengadakan lawatan ke ladang sawit untuk melihat sendiri kemusnahan pokok sawit disebabkan penyakit ini.

Satu perbincangan di antara MPOB dan Cenipalma turut diadakan untuk membincangkan pelaksanaan penyelidikan secara bersama terutama berkaitan dengan penyakit sawit, pemakanan dan kesihatan.



Ketua Pengarah MPOB, Dr Choo Yuen May menyampaikan ucapan pada Persidangan Sawit Antarabangsa ke-17 yang berlangsung di Convention Center, Cartagena de Indias di Bogota, Columbia, September lalu.

Usaha sama antara Malaysia dan Colombia ini diharap dapat membantu penyelidikan penyakit reput pucuk sedia ada dan langkah ini menunjukkan komitmen negara bagi memastikan pembangunan industri sawit berjalan lancar.

Malaysia menyedari akan peningkatan risiko membawa masuk penyakit-penyakit eksotik seperti Bud Rot, Sudden Wither dan Vascular Wilt ke rantau ini, sekiranya kemasukan bahan tanaman sawit dari kawasan-kawasan berpenyakit yang berisiko

tinggi dibenarkan.

Bagi mengurangkan risiko ini, negara hanya membenarkan pengeksporan biji benih sawit ke negara-negara jiran untuk tujuan penggunaan di ladang sendiri saja.

Sehingga kini, masih belum ada kaedah pengenalpastian penyakit reput pucuk yang berkesan.

Sehubungan itu, MPOB juga bekerja keras untuk merangka Pelan Biosekuriti bagi mengurangkan risiko penyakit eksotik seperti reput pucuk daripada menular ke Malaysia. Pelan ini sedang dirangka bersama-sama dengan usaha sama Centre for Agriculture and Bioscience International (CABI). Pelan ini dijangka siap pada akhir 2014.

### FAKTA NOMBOR

70 peserta

hadiri seminar bagi membincang pelbagai isu berkaitan pembiakbaian anak sawit

# MPOB menang poster terbaik OFIC 2012

» Berjaya kalahkan 35 penyelidik lain

Oleh Dr Kanga Rani Selvaduray  
krani@mpob.gov.my

Kuala Lumpur

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memenangi hadiah pertama dan kedua pada pertandingan pembentangan poster penyelidikan sempena persidangan 'Oils and Fats International Conference (OFIC) 2012' yang diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) pada 12 hingga 14 September, baru-baru ini.

Sebanyak 37 poster penyelidikan daripada pelajar universiti, institusi penyelidikan awam dan swasta dipertandingkan sewaktu persidangan berkenaan. Daripada jumlah itu, 32 poster daripada pegawai penyelidik dan pelajar Skim Bantuan Siswazah

(GSAS) MPOB.

Hadiah pertama berupa wang tunai RM1,000 dimenangi Pegawai Penyelidik dari Bahagian Penyelidikan Pembangunan Produk & Khidmat Nasihat (PDAS), Puvaneswari Meganathan dengan poster bertajuk 'Tocotrienols and Breast Cancer - From Pre-Clinical Research to Clinical Trials'.

Kajian ini menunjukkan bahawa seorang wanita daripada 30 orang yang menghidapi penyakit barah payu dara boleh diselamatkan dengan pengambilan tocotrienol.

Tempat kedua (wang tunai RM500) dimenangi Pegawai Penyelidik dari Bahagian Kemajuan Teknologi Oleokimia (AOTD),

## FAKTA NOMBOR

350 orang

peserta dari dalam dan luar negara hadir OFIC 2012



Puvaneswari (kiri) dan Noorazah menunjukkan poster penyelidikan yang memenangi pertandingan sempena OFIC 2012.

Noorazah Zolkarnain dengan poster bertajuk 'Environmental Evaluation of Palm-Based Alpha-Sulphonated Methyl Ester using Life Cycle Assessment Approach: A Gate-to-Gate Study'.

Anjur bersama MOSTA OFIC 2012 yang dianjurkan ber-

sama Malaysian Oil Scientists' and Technologists' Association (MOSTA) dan MPOB disertai lebih 350 orang peserta dari dalam dan luar negara.

Persidangan tiga hari ini merangkumi ceramah dan pembentangan kertas kerja saintifik disamping aktiviti pameran turut diadakan yang membolehkan penyertaan daripada pelbagai institusi penyelidikan dan industri

lemak dan minyak dalam dan luar negara.

Sebanyak 26 kertas kerja dibentangkan sepanjang persidangan berkenaan yang terdiri daripada modul ekonomi dan perdagangan, pertanian mampan, teknologi dan pemrosesan minyak sawit, sektor hiliran industri minyak dan lemak, dan minyak dan lemak dalam pemarkan.

## ANNOUNCEMENT

# 2012

NATIONAL SEMINAR ON  
PALM OIL MILLING, REFINING,  
ENVIRONMENT AND QUALITY

# POMREQ

27-28 November 2012  
Magellan Sutera Harbour Resort  
Kota Kinabalu, Sabah



### ENQUIRIES

Ruba'ah Masri 03-4769 4567  
rubah@mpob.gov.my

Solehah Abd Bah 03-4769 4867  
solehah@mpob.gov.my



Organised by  
MALAYSIAN PALM OIL BOARD  
MINISTRY OF PLANTATION INDUSTRIES AND COMMODITIES, MALAYSIA  
www.mpob.gov.my

# Lima ditahan curi minyak sawit

Oleh Salimi Durasit  
salimi@mpob.gov.my

**Beaufort:** Pasukan polis dari Ibu Pejabat Daerah (IPD) Beaufort menahan lima orang yang sedang mencuri minyak sawit mentah (MSM) dari sebuah lori tangki di satu kawasan tanah lapang berhampiran tapak Kompleks Sukan Beaufort di tepi Jalan Lintas, di sini, baru-baru ini.

Bagaimanapun, pemandu lori tangki pengangkut minyak sawit itu berjaya melarikan diri.

Lori tersebut sedang dalam perjalanan untuk menghantar MSM berkenaan ke kilang penapis berdekatan.

Ketua MPOB Wilayah Sabah, Zainal Shafei, berkata hasil maklumat orang awam pasukan polis membuat rondaan di kawasan berkenaan dan didapati kelima-lima suspek sedang memindah MSM dari lori tangki itu ke dalam tong di atas sebuah lori treler.

Selepas melakukan pemeriksaan, kelima-lima mereka gagal membuktikan minyak sawit itu kepunyaan mereka. Polis bertindak menahan dan merampas lori treler itu yang membawa 10 tong berisi minyak sawit berjumlah 12.33 tan.

"Anggaran nilai pasaran MSM itu adalah RM29,592 berdasarkan



Lori tangki minyak sawit dan treler muatan tong minyak sawit curi ditahan oleh polis.

purata harga MSM masa ini RM2,400 satu tan," katanya.

### Serah kes kepada MPOB

Pihak polis menyerahkan kes ini kepada MPOB untuk tindakan lanjut mengikut Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Akta 592).

Zainal berkata kes ini sedang disiasat di bawah kesalahan membeli, menjual dan menyimpan minyak sawit tanpa lesen sah dari MPOB. Sekiranya terdapat bukti yang jelas, tindakan sewajarnya akan diambil, sama ada

mendakwa di mahkamah atau tindakan kompaun.

Beliau menasihati syarikat pengangkutan dan kilang minyak sawit supaya memantau arah perjalanan dan laluan digunakan pemandu lori tangki pengangkut minyak sawit bagi memastikan ia selamat dan dapat mengelakkan dari kejadian sedut curi semasa dalam perjalanan.

Katanya, MPOB dan PDRM akan terus bekerjasama bagi membendung kegiatan tidak sah yang boleh menjejaskan kemajuan industri minyak sawit negara.

Oleh Nazrah Che Jaafar nazrah@mjob.gov.my

# Koperasi meningkatkan pendapatan pekebun kecil

## » Penubuhan satukan sumber di kalangan ahli bagi tingkat taraf, kualiti hidup

Koperasi ditakrifkan sebagai satu pertubuhan orang berautonomi, bersatu secara sukarela untuk memenuhi aspirasi ekonomi, sosial dan budaya yang sama melalui satu perusahaan milik bersama dan dikawal secara demokrasi serta berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993.

Koperasi wujud sejak tahun 1920-an dan tujuan utama penubuhannya pada peringkat awal adalah untuk menangani masalah hutang di kalangan petani, pekerja pejabat dan kilang.

Kini, aktiviti koperasi berkembang meliputi sektor antaranya perbankan, perladangan, pertanian, pengangkutan dan pembinaan. Bagaimanapun tujuan asal koperasi masih tidak berubah iaitu untuk menentukan sumber seperti modal, buah fikiran dan tenaga di kalangan ahli bagi meningkatkan taraf serta kualiti hidup ahli dan masyarakat keseluruhannya.

Sehingga Disember 2011, jumlah koperasi berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) adalah sebanyak 9,074. Koperasi bagi fungsi pengguna adalah bilangan tertinggi (47 peratus), diikuti fungsi pertanian (18 peratus) dan fungsi perkhidmatan (17 peratus).

Koperasi Pekebun Kecil Daerah Batu Pahat Berhad (KOPDAP) adalah koperasi pekebun kecil terbaik yang menduduki kedudukan ke-13 dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2011.

Berdasarkan kejayaan beberapa koperasi pertanian di Malaysia, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPPIC) melalui MPOB mengambili inisiatif menubuhkan koperasi penanam sawit di kawasan pekebun kecil persendirian.

tarikh dan masa pengambilan BTS di kebun mereka, justeru mereka perlu merancang untuk menuai pada hari tersebut atau hari sebelumnya.

- Setiap tandan yang dikeluarkan pekebun kecil akan ditimbang di kebun mereka. Koperasi akan merekodkan kualiti (gred) dan berat bagi setiap pekebun kecil.
- Apabila lori sudah penuh, buah akan dihantar terus ke kilang dan akan ditimbang serta digred sekali lagi dan timbangan dan kualiti diperolehi di kilang adalah muktamad dan dijadikan asas pembayaran mengikut kadar berat asal.
- Bayaran kepada pekebun kecil dibuat berdasarkan berat yang dihantar, gred serta ditolak dengan kos pengangkutan ke kilang.
- Bayaran dibuat secara tunai atau online dan dibayar pada hari sama atau selewat-lewatnya tiga hari.
- Peralatan diperlukan untuk sistem ini adalah lori berserta kren, alatan timbang dan net bersaiz 8 kaki x 8 kaki.

- Sistem bin
- Sistem ini sesuai bagi kebun yang kedudukannya setempat atau berhampiran.
- Bin akan di tempatkan di lokasi sesuai untuk pekebun kecil menghantar BTS. Mereka akan dimaklumkan tarikh dan masa pengambilan BTS di



Tan Sri Bernard Dompok menyerahkan sijil keahlian Koperasi Penanam Sawit Maman (KPSM) Daerah Keningau, Sabah sempena pelancaran koperasi daerah itu baru-baru ini. Turut kelihatan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kiri).

### INFO KPSM YANG TELAH DITUBUHKAN SEHINGGA 31 OGOS 2012

Bil	Negeri	Senarai KPSM	Tarikh Di Tubuhkan
1	Labuh	i. KPSM Daerah Tongod	13 Oktober 2010
		ii. KPSM Daerah Saratok	13 Disember 2010
		iii. KPSM Daerah Kinabatangan	16 Februari 2011
		iv. KPSM Daerah Tenawo	8 Mac 2011
		v. KPSM Daerah Beluran	11 Julai 2011
2	Sarawak	vi. KPSM Daerah Keningau	8 Mac 2012
		i. KPSM Daerah Saratok	1 Disember 2010
		ii. KPSM Daerah Belaga	28 Januari 2011
		iii. KPSM Daerah Serian	28 November 2011
		iv. KPSM Daerah Selangau	5 Mei 2012
3	Pahang	v. KPSM Daerah Maraboh	12 Julai 2012
		i. KPSM Daerah Temerloh	5 Julai 2011
		ii. KPSM Daerah Bentong	11 Oktober 2011
		iii. KPSM Daerah Maran	28 Mei 2012
		iv. KPSM Daerah Kuala Lipis	16 April 2011
4	Johor	v. KPSM Daerah Kulajaya	8 Januari 2011
		i. KPSM Daerah Kulajaya	22 Mac 2012
		ii. KPSM Daerah Tebing Tinggi	22 Mac 2012
		iii. KPSM Daerah Kulajaya	22 Mac 2012
		iv. KPSM Daerah Kulajaya	22 Mac 2012
5	Melaka	v. KPSM Daerah Kuala Selangor	20 Disember 2010
		i. KPSM Daerah Kuala Selangor	10 Mei 2011
		ii. KPSM Daerah Kuala Selangor	18 Julai 2012
		iii. KPSM Daerah Kuala Selangor	18 Julai 2012
		iv. KPSM Daerah Kuala Selangor	18 Julai 2012
6	Negeri Sembilan	v. KPSM Daerah Dungen	30 Mei 2012
		i. KPSM Daerah Dungen	30 Mei 2012
		ii. KPSM Daerah Dungen	30 Mei 2012
		iii. KPSM Daerah Dungen	30 Mei 2012
		iv. KPSM Daerah Dungen	30 Mei 2012

Jadual 1

lokasi bin.

- Setiap tandan dihantar pekebun kecil akan ditimbang di lokasi bin. Koperasi akan merekodkan kualiti (gred) dan berat bagi setiap pekebun kecil.
- Apabila bin sudah penuh, buah akan dihantar terus ke kilang dan akan ditimbang dan digred sekali lagi dan timbangan dan kualiti diperolehi di kilang adalah muktamad dan dijadikan asas pembayaran mengikut kadar berat asal.
- Bayaran boleh dibuat secara tunai atau online dan dibayar pada hari yang sama atau selewatnya tiga hari.
- Peralatan diperlukan untuk sistem ini adalah lori berserta hook & lift, alatan timbang dan bin berkapasiti 4 hingga 5 tan.

**Pengalaman sistem pemasaran BTS oleh KPSM**

Dua model pemasaran BTS yang diterangkan sedang dijalankan KPSM Daerah Tongod, Sabah dan KPSM Saratok, Sarawak. Projek bermula pada Julai 2012.

Di Saratok, sistem digunakan adalah sistem jaring. Sepanjang Julai 2012, seramai 20 ahli koperasi dengan anggaran keluasan 100 hektar menyertai pemasaran BTS melalui sistem jaring. Di sini hanya terdapat satu kilang sawit dan dua pembeli buah. KPSM berunding dengan pengurus kilang dan mendapat tawaran harga untuk bulan Julai 2012. Pada masa sama KPSM juga memantau harga ditawarkan kedua-

INFO PERBEZAAN HARGA ANTARA KILANG DAN PEMBELI BTS PADA BULAN JULAI 2012 (RM/MT)					
Tarikh	Perbezaan Harga BTS di Kilang (1)	Perbezaan Harga Pembeli BTS (2)	Perbezaan Harga BTS (3) = (1) - (2)	Perbezaan Harga Kren Pengangkutan (4)	Perbezaan Harga BTS Bersih (5) = (3) - (4)
10/07/12	100	410	310	30	280
17/07/12	100	410	310	30	280
24/07/12	100	410	310	30	280
31/07/12	100	410	310	30	280

Jadual 2

dua pembeli BTS.

Jadual 2 menunjukkan perbezaan harga jualan BTS yang ditawarkan oleh pihak kilang berbanding dengan pembeli BTS sepanjang bulan Julai 2012.

Data dari Jadual 2 menunjukkan harga BTS bersih yang diperolehi pekebun kecil melalui koperasi adalah lebih tinggi berbanding jika mereka menjual kepada pembeli BTS.

Sepanjang bulan Julai 2012, perbezaan harga diperolehi ahli koperasi adalah antara RM 66-88/mt. Ini membuktikan kerjasama menjual BTS secara berkelompok yang dianjurkan koperasi memberi kesan kepada peningkatan harga.

Adalah diperhatikan, perbezaan harga semakin meningkat setiap minggu menunjukkan pembeli BTS tidak bo-

leh/berani bersaing dengan koperasi.

Jadual 3 menunjukkan lebih pendapatan diperolehi pekebun kecil melalui jualan BTS berkelompok melalui koperasi. Sebagai contoh, pekebun kecil yang menjual BTS pada minggu pertama, purata seorang pekebun kecil memperoleh lebih pendapatan sebanyak RM95 berdasarkan purata jualan 1.44 mt.

Pada minggu keempat purata jualan BTS pekebun adalah 6.39 mt dan tambahan nilai pendapatannya adalah RM550.

**Kelebihan penubuhan KPSM**

- Kemudahan Pengangkutan BTS
- Kemudahan Pengangkutan ke Koperasi berperanan membantu ahli dengan menyediakan kemudahan pengangkutan lori untuk menghantar

BTS ke kilang. Kaedah ini dapat dilaksanakan apabila bilangan ahli koperasi adalah ramai dan dapat memberi kebaikan kepada ahlinya melalui:

- Caj harga berpatutan atau lebih rendah daripada pasaran.
- Keuntungan diperolehi melalui sistem ini akan dikembalikan semula kepada ahli koperasi secara bayaran dividen tahunan.

- Khidmat Nasihat Secara Berkelompok

Melalui koperasi juga, Kerajaan menerusi MPOB mudah menjalankan aktiviti untuk membantu pekebun kecil. Perjumpaan dengan ahli koperasi dan bimbingan kepada pekebun kecil dapat dilaksanakan dengan teratur bagi memastikan pengalaman pertanian baik sekali meningkatkan produktiviti BTS.

- Kemudahan Input Pertanian

INFO PENINGKATAN PENDAPATAN PEKEBUN KECIL					
Tarikh	Bil. Pekebun Kecil Menerima Jualan Berkelompok (1)	Perbezaan Harga Pembeli BTS (2)	Perbezaan Harga Pembeli BTS (3) = (1) - (2)	Perbezaan Harga Pembeli BTS (4) = (3) - (2)	Perbezaan Harga Pembeli BTS (5) = (4) - (2)
10/07/12	1	410	310	100	100
17/07/12	1	410	310	100	100
24/07/12	1	410	310	100	100
31/07/12	1	410	310	100	100

Jadual 3

Melalui koperasi harga belian input pertanian seperti baja, racun dan peralatan berkaitannya dapat dibeli dengan harga yang rendah kerana dapat membelinya pada harga pukal yang akan menguntungkan ahli-ahli koperasi.

**Masalah pemasaran BTS**

Namun begitu, beberapa masalah dihadapi pada peringkat awal perancangan dan penubuhan koperasi adalah seperti:

- Menarik minat pekebun kecil sebagai ahli koperasi
- Kebanyakan pekebun kecil bersikap tunggu dan lihat terutama berkaitan faedah yang mereka peroleh dalam masa terdekat. Ini menyebabkan koperasi sukar mendapatkan bilangan ahli yang ramai pada peringkat permulaan.
- Modal
- Halangan modal adalah faktor utama mengheratkan aktiviti koperasi. Setiap projek memerlukan sumber kewangan untuk dilaksanakan. Modal asas koperasi adalah dari kutipan yuran masuk saham. Sekiranya ahli tidak ramai modal asas koperasi ada sedikit dan ini menyukarkan untuk memulakan projek. Perancangan dan rundingan pihak kilang perlu dilakukan supaya kedua-dua belah pihak berada di situasi "menang-menang".
- Komitmen ahli terhadap koperasi
- Komitmen ahli terhadap koperasi Keperayaan awal kepada koperasi adalah rendah kerana pekebun kecil menganggap koperasi sukar untuk membantu mereka dari segi kewangan dan persaingan dengan peniaga BTS luar.
- Persaingan luar
- Kemudahan koperasi dalam permiajan BTS meluaskan persaingan mendapat hasil keluaran BTS pekebun kecil. Pengurusan teratur dan kerjasama antara pekebun dan kilang sawit perlu ditingkatkan.
- Tanggapan pihak industri terhadap koperasi
- Koperasi penanam sawit mampan pekebun kecil adalah satu inisiatif baru kepada industri sawit. Oleh itu, amat sukar bagi koperasi berurusan dengan mereka dalam menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan.

**Kaedah penyelesaian masalah**

- Kempen menarik pekebun kecil

menjadi ahli koperasi

- Kempen dan ceramah berkaitan penubuhan koperasi perlu dilakukan untuk menjelaskan kebaikan koperasi.
- Modal
- Mendapatkan sumber dari syer ahli-ahli koperasi, pinjaman bank atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia, pendahuluan daripada kilang atau pembelian input pertanian secara kredit antara langkah yang boleh dilakukan.
- Khidmat perundingan perjalanan koperasi
- Dalam aspek pengurusan koperasi, Maktab Koperasi Malaysia menjalankan kursus sepanjang tahun kepada anggota koperasi untuk meningkatkan pengetahuan dalam mengendalikan koperasi.
- Tingkatkan komitmen ahli terhadap koperasi
- Koperasi ditubuhkan atas keperluan pekebun kecil. Oleh itu kejayaan koperasi adalah bergantung kepada komitmen ahlinya untuk menjayakan sesuatu aktiviti yang diusahakan oleh koperasi. Maka adalah wajar setiap pekebun kecil memainkan peranan mereka bagi memastikan perancangan koperasi dapat dijalankan.
- Berfikiran positif terhadap persaingan luar
- Setiap persaingan luar yang dihadapi koperasi dianggap positif dan dijadikan sebagai satu cabaran yang membina untuk berjaya dalam industri ini.
- Koperasi adalah satu institusi yang mengembeng ahlinya untuk bertindak secara keseluruhan bagi mencapai objektif mereka.
- Kejayaan untuk mencapai matlamat terletak kepada komitmen semua ahli koperasi untuk merealisasikan. Dengan adanya koperasi, maka pekebun kecil mempunyai wadah alternatif untuk menyampaikan masalah mereka dan membantu mereka meningkatkan taraf hidup kerana dengan adanya koperasi, maka suara mereka akan didengar kerana mereka mewakili sekelompok orang berbanding jika bersendirian.
- Melalui kaedah pemasaran BTS model sistem jaring terbukti dapat membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil sebanyak 17 peratus apabila mereka berjaya mendapatkan harga BTS yang baik.
- Ini berlaku apabila kuantiti pengeluaran BTS pekebun kecil digabungkan, maka mereka mempunyai "bargaining power" untuk menentukan hasil BTS dapat dipasarkan pada harga yang baik serta diberi perhatian yang sewajarnya jika dibandingkan kuantiti secara individu yang kecil.
- Kualiti BTS juga dapat ditingkatkan apabila traceability dapat dilakukan dengan mudah di mana penambahbaikan mutu BTS dapat dilakukan dengan segera.
- Kemudahan pengangkutan oleh koperasi dengan mengenakan caj berpatutan juga dapat mengurangkan kos pengangkutan BTS dan dijangka mendapat pulangan dividen akhir tahun melalui keuntungan aktiviti pengangkutan.
- Berdasarkan kepada pencapaian aktiviti pemasaran BTS pada bulan Julai, sistem pemasaran BTS oleh koperasi menggunakan sistem ini adalah berdaya saing dan boleh dilaksanakan oleh mana-mana koperasi.

# Raih RM50,000 setahun hasil sawit

» *Usaha gigih tanpa henti Wak Sangidi patut dicontohi pekebun lain*

Oleh Nursuhana Dahari dan Noryati Mahri

suhana@mpob.gov.my dan noryati@mpob.gov.my

**S**angidi Kamari yang juga dikenali dengan panggilan Wak Sangidi, berusia 57 tahun adalah pekebun kecil sawit sepenuh masa dan pekebun contoh negeri Johor.

Ketika ini, Wak Sangidi memiliki 20.23 hektar tanaman sawit dan anggaran pendapatan kasar diperoleh adalah RM50,000 setahun.

Berasal dari Kg Tengah, Renggam, Johor dan hasil perkongsian hidup bersama isterinya, Siti Anjar Safiee, beliau dikurniakan lima orang cahaya mata terdiri daripada tiga lelaki dan dua perempuan.

Walaupun hanya bersekolah sehingga darjah enam, tetapi dengan usaha dan hasil titik peluh berbudi dengan tanah di kampungnya selama ini, beliau kini berjaya menikmati dan mencapai kejayaan serta meningkatkan taraf sosio-ekonomi kehidupan keluarganya melalui penanaman sawit.

Menyingkap sejarah pembabitannya beliau dalam bidang pertanian, Wan Sangidi menceburi bidang ini pada tahun 1978 dengan mengusahakan tanaman getah.

Pada tahun 1998 beliau mengambil keputusan menanam sawit seluas 20.23 hektar. Pada ketika itu, beliau membeli anak benih DxP daripada tapak semaian yang diusahakan sebuah agensi Kerajaan yang berhampiran dengan rumahnya.

Beliau menanam anak sawit mengikut syor ditetapkan iaitu sistem tiga segi sama dengan kepadatan 160/pokok/hektar.

Hasil peningkatan dalam keluasan tanaman, Wak Sangidi pada masa ini memiliki 20.23 hektar tanaman sawit dan purata berumur 14 tahun. Pencapaian purata hasil buah tandan segar (BTS) sawit bagi tahun 2011 lalu adalah sebanyak 34.35/ha/tahun.

Pencapaian ini adalah antara tertinggi diperoleh pekebun kecil di Johor bagi tahun 2011 dan sekali gus melayakkan beliau menjadi ahli Kelab 30 Tan MPOB.

Kejayaan ini dapat direalisasikan berkat usaha dilakukan selain kerjasama dan sokongan keluarga serta pegawai MPOB yang banyak membantu.

Hasil usaha gigih dilakukan selama ini membuahkan hasil sa-



Wak Sangidi dalam kebun sawitnya di Renggam, Johor.



Wak Sangidi turut menjalankan integrasi ternakan lembu dalam tanaman sawitnya bagi menjana pendapatan tambahan.

ngat menggalakkan. Kejayaan mencapai penghasilan BTS sawit yang tinggi itu adalah melalui amalan dan pengurusan kebun secara sistematik di mana kekeperluan pembajaan yang dilakukan adalah sebanyak empat hingga lima kali setahun dengan kadar 2.5kg/pokok/tahun.

#### Guna baja seimbang

Penggunaan baja yang seimbang, di mana beliau menggunakan baja N:P:K:Mg (12:12:17:2) selain menggunakan baja organik mengikut kesesuaian masa dengan kadar yang diperlukan. Kaedah pembajaan dilakukan Wak Sangidi adalah secara taburan di se-

luruh kawasan terutama di lorong longgokan pelepah.

Sebelum ini Wak Sangidi mengamalkan kaedah pembajaan keliling pokok tetapi selepas Pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) MPOB datang melawat dan memberi bimbingan serta tunjuk ajar betul, beliau mengikut kaedah dan syor yang diajar MPOB.

Katanya, dengan kejayaan dan pencapaian purata hasil BTS itu juga mendorong beliau untuk terus meningkatkan usaha bagi meningkatkan lagi penghasilan BTS pada tahun tahun akan datang.

Beliau menyoar meningkatkan penghasilan BTS kepada 40

tan sehektar dalam tempoh terdekat.

Beliau juga memberitahu terdapatnya serangan tikus di kebunnya dan dapat diatasi dengan kawalan secara biologi menggunakan burung hantu.

Pengawalan rumput di kebun dilakukan secara manual tanpa menggunakan sebarang racun. Wak Sangidi akan memotong rumput lembut tiga kali setahun manakala anak kayu yang terdapat di kebun akan dipangkas atau dicabut secara manual.

Kerja pemangkasan pelepah dilakukan secara serentak sewaktu kerja penuaian. Pelepah disusun secara selang sebaris antara barisan pokok sawit bagi memudahkan proses penuaian dan juga pengurusan kebun.

Penuaian BTS dilakukan tiga kali sebulan di mana piawaian satu hingga dua biji buah relai di atas tanah sentiasa diamalkan. Hanya BTS masak saja dituai dan buah relai yang dipungut pekerja akan dihantar terus dengan menggunakan lori ke kilang dalam masa 24 jam bagi memastikan buah dalam keadaan baik dan mendapat kadar perahan minyak yang optimum.

“Wak Sangidi pada masa ini memiliki 20.23 hektar tanaman sawit dan purata berumur 14 tahun. Pencapaian purata hasil buah tandan segar (BTS) sawit bagi tahun 2011 lalu adalah sebanyak 34.35/ha/tahun”

Wak Sangidi memiliki pusat timbang sendiri (RAM) dan ini memudahkan beliau untuk menghantar buah sawit dalam masa ditetapkan.

#### Integrasi ternakan

Selain mengusahakan tanaman sawit, Wak Sangidi juga menjalankan integrasi ternakan kambing dan lembu bagi menjana pendapatan tambahan.

Sehingga kini beliau mempunyai lebih 100 ekor lembu dan 100 ekor kambing pelbagai jenis.

Aktiviti sampingan membabitkan ternakan ini bukan dilakukan beliau seorang tetapi dibantu anak-anaknya yang bertungkus lumus untuk mengembangkan integrasi ternakan ini.

Wak Sangidi juga menanam ubi kayu di kebunnya untuk di jual.

Beliau amat bangga dan berterima kasih di atas bimbingan dan nasihat diberikan Noryati Mahri selaku Pegawai TUNAS Kawasan Simpang Renggam, Johor. Wak Sangidi akan menghubungi Pegawai TUNAS untuk meminta khidmat nasihat dan tunjuk ajar.

Pada masa hadapan Wak Sangidi berharap dapat mengembangkan lagi sektor perladangan bersama anak-anaknya. Beliau juga berharap agar ilmu pertanian dimiliki dapat diwarisi anak-anaknya.

Wak Sangidi amat berterima kasih dan menghargai usaha MPOB dalam membantu pekebun kecil sawit untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka mengenai sawit.

Beliau berharap agar MPOB dapat mempergiatkan lagi usaha membantu pekebun kecil sawit dalam usaha meningkatkan pendapatan dengan mengamalkan pengurusan sawit yang baik dan sempurna.

# CANTAS atasi kekurangan tenaga buruh

» Alat bantu memudahkan proses penuaian buah, potong pelepah sawit

Oleh Dr Zainon Mat Sharif  
zainon@mpob.gov.my

Muar

Seramai 150 pekebun kecil hadir sempena Program Jom Guna CANTAS anjuran MPOB bagi meningkatkan kesedaran terhadap penggunaan mesin penuaian buah sawit bermotor atau CANTAS kepada penanam dan pekebun kecil sawit di sekitar kawasan Parit Kassan, di sini, baru-baru ini.

Program dijalankan di premis peniaga buah sawit Syarikat Haji

Mohd Janis Abu Bakar di Parit Kassan dan dirasmikan Ketua Pejabat Wilayah Johor, Zulkefli Shawal yang mewakili Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Ahmad Sidek Stroo.

Zulkefli sewaktu berucap merasmikan program itu berkata, Program Jom Guna CANTAS ini adalah kali kedua selepas program pertama diadakan di Klang, Selangor.

## Kerjasama kerajaan, MPOB

“Program ini inisiatif Kerajaan melalui MPOB untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan tenaga buruh di ladang dan kebun kecil sawit serta membantu penanam sawit terutama pekebun kecil meningkatkan produktiviti.

“CANTAS adalah peralatan mekanisasi hasil penyelidikan dan pembangunan MPOB untuk kegunaan penuaian buah dan memotong pelepah sawit,” katanya.

Katanya, melalui penggunaan



Pengunjung melihat peralatan yang dipamerkan pada Program Jom Guna CANTAS di Muar, baru-baru ini.

CANTAS bagi kerja penuaian buah sawit, penuai berupaya meningkatkan produktiviti hasil tuaian hampir dua kali ganda iaitu daripada 1.5 tan kepada 2.8 tan sehari.

“Melalui penggunaan CANTAS, seorang penuai juga berupaya menuai sehingga 35 hektar sehari berbanding 21 hektar dengan menggunakan alat penuaian konvensional,” katanya.

Strategi tingkat produktiviti Penggunaan CANTAS dan Penga-

sah Berlian kini dikenal pasti sebagai strategi meningkatkan produktiviti pekerja dan ia diletakkan di bawah Projek Permulaan 3 (EPP3), Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

## Skim Diskaun CANTAS

“Bagi menggalakkan penggunaan CANTAS, MPOB menyediakan Skim Diskaun CANTAS (SKIDIC) kepada penanam dan pekebun kecil dengan bantuan RM1,000 diberikan bagi setiap unit pembelian CANTAS oleh pekebun kecil.

“Pekebun kecil dan penuai buah sawit disaran mengambil peluang terhadap tawaran pembelian CANTAS melalui skim ini memandangkan peruntukan masih dibuka untuk pembelian CANTAS.

“Program mempromosikan penggunaan CANTAS ini akan dilaksanakan ke seluruh negara dan sasaran tahun ini adalah untuk menjual sebanyak 3,000 unit kepada pekebun kecil, estet dan penuai buah sawit,” kata Zulkefli.

# Mohd Janis diisytihar pekebun terbaik

Melaka: Mohd Janis Abu Bakar, 55, diisytiharkan sebagai pemenang Anugerah Pekebun Kecil Terbaik Komoditi Peringkat Kebangsaan (Sektor Sawit) tahun 2012 oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

Anugerah berkenaan disampaikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok pada majlis perasmian Seminar Pekebun Kecil dan Usahawan Komoditi Kebangsaan 2012 di Malacca International Trade Centre (MITC) di sini, baru-baru ini.

Dengan kemenangan itu, Mohd Janis menerima hadiah wang tunai RM1,000 berserta trofi dan sijil penghargaan.

## Suntik semangat tingkat usaha

Mohd Janis yang ditemubual selepas majlis itu berkata, penganugerahan itu memberikan semangat dan iltizam untuk terus berusaha dan meningkatkan lagi produktiviti terutama hasil buah tandan segar (BTS) dari kebunnya melalui penyelenggaraan dan amalan pertanian baik.

“Pada tahun 2011, purata penghasilan BTS dari kebunnya adalah 36.05 tan sehektar. Insya-Allah pada tahun akan datang, saya akan berusaha meningkatkan lagi purata penghasilan itu.



Mohd Janis memegang piala dan sijil penghargaan yang dimenangkinya pada majlis perasmian Seminar Pekebun Kecil dan Usahawan Komoditi Kebangsaan 2012, baru-baru ini.

“Pencapaian 36.05 tan sehektar setahun adalah yang tertinggi dikalangan pekebun kecil sawit di Johor dan seluruh negara pada tahun 2011 serta sasaran saya untuk mencapai purata 40 tan sehektar pada 2015,” katanya.

Beliau berkata, penilaian dilakukan ke atas kebunnya berkeluasan 2.5 hektar di Kampung Parit Kassan, Muar, Johor. Kepadatan tanamannya 148 pokok bagi setiap hektar dan menggunakan anak benih Dxp (Guthrie).

**Transfer of Technology Seminar 2012**

**Monday, 3 December 2012**  
Kinfa Riverfront Hotel, Ipoh, Perak

**Who Should Attend**

- Introduction to MPOB's technologies for commercialisation specially for SME
- Exhibition of technologies and interaction with inventors

**Who Should Attend**

It caters for those involved in oil palm, palm oil and other oils and fats businesses including manufacturers, corporate entrepreneurs, small and medium scale entrepreneurs, agriculturists, planters, scientists, millers, traders, food technologists, etc.

**Why You Should Participate**

It provides opportunities for the public in general and small and medium entrepreneurs to:

- commercialize MPOB's technologies that will improve the oil palm industry/palm oil industry
- adopt research findings and services
- network and develop partnerships for R&D collaboration and commercialization

**Event Highlights**

Transfer of Technologies and services will be through:

- Oral presentations
- Exhibition
- Interaction with inventors

**Participation Fee**

RM250 (Seminar and Exhibition packages are inclusive of seminar materials, lunch, refreshments and dinner)

To:

Perak Academy  
28, Jalan Sultan Azlan Shah  
30350 Ipoh, Perak  
Tel : 05-5478949/016-5518172  
Fax : 05-5496675  
Email: contact@perakacademy.com

Please register:

Name: \_\_\_\_\_  
Designation: \_\_\_\_\_  
MyKad No.: \_\_\_\_\_  
Organization/Company: \_\_\_\_\_  
Postal Address: \_\_\_\_\_  
Postcode: \_\_\_\_\_ State: \_\_\_\_\_  
Tel: \_\_\_\_\_ Fax: \_\_\_\_\_  
Email: \_\_\_\_\_  
Signature: \_\_\_\_\_ Date: \_\_\_\_\_

This form may be photocopied



# Kempen anti-minyak sawit di Perancis

» **Dakwaan palsu mahu lindungi industri minyak sayuran Eropah**

Negara Perancis kini menjadi tumpuan kempen anti-minyak sawit melalui penyebaran maklumat salah mengenai produk, pekerja dan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Melalui kempen ini, minyak sawit dilabelkan sebagai tidak baik untuk kesihatan dan proses pengeluarannya pula membahayakan persekitaran global.

Kedua-dua dakwaan ini palsu dan merupakan kempen anti-minyak sawit yang dikitar semula daripada kempen di Amerika Syarikat pada 20 tahun lalu. Kempen itu akhirnya terbukti tiada asas saintifik.

Kempen di Perancis memperkenalkan satu paradoks baru selain sedia ada; Perancis mempunyai kadar serangan penyakit jantung lebih rendah walaupun penduduk mereka mengambil sejumlah besar lemak tepu. Paradoks baru pula kempen penyalaran maklumat yang salah mengenai minyak sawit di Perancis sedangkan negara itu terbabit secara langsung dalam pembangu-



nan sektor minyak sawit.

Henri Fauconnier, seorang rakyat Perancis, bertanggungjawab menubuhkan ladang sawit pertama di Malaysia pada tahun 1917 iaitu Ladang Tenamaran, Selangor, yang kini dimiliki Sime Darby Plantations.

Perancis juga mempunyai pusat penyelidikan terkenal, Centre for Agriculture Research and Development (CIRAD), yang melakukan banyak penyelidikan ke atas minyak sawit serta memberi khidmat nasihat agronomi kepada banyak pengeluar minyak sawit di Asia Tenggara, Afrika dan Amerika Selatan.

Industri kita boleh mengambil iktibar daripada kejadian ini dan menjadikannya sebagai dorongan untuk tampil lebih agresif iaitu dengan menggunakan sa-

luran komunikasi yang meluas dan berterusan dan mempraktikkan strategi melobi untuk mendidik orang awam dan penggubal dasar di seluruh dunia.

## Dakwaan palsu

Dakwaan palsu terhadap Malaysia didalangi kumpulan alam sekitar yang mempunyai kaitan rapat dengan industri minyak sayuran Eropah dan penggubal dasar Kerajaan yang mahu melindungi kepentingan petani Perancis.

Industri minyak biji sesawi dan bunga matahari di Eropah dilihat cuba mengalihkan perhatian pengguna kepada produk mereka yang merupakan sumber lemak trans yang memberi kesan kurang baik kepada kesihatan berbanding minyak sawit.

Malah, impak produk mereka terhadap alam sekitar lebih besar disebabkan penghasilan minyak yang kurang bagi setiap hektar berbanding minyak sawit.

Fakta ini sudah dikaji dan disahkan saintis Jerman, Dr Gernot Pehnelt yang menerbitkan hasil kajian beliau dalam beberapa jurnal terkemuka di Eropah.

Justeru, sokongan kedua-dua industri berkenaan terhadap kempen anti-minyak sawit hanya bertujuan mengalih perhatian orang ramai.

Tindakan licik mereka ini membuah hasil. Systeme U, sebagai contoh, sebuah koperasi utama peruncit Perancis dan Groupe Casino, sebuah syarikat besar peruncitan di Perancis, melakukan kempen multimedia yang agresif bertujuan menentang penggunaan minyak sawit dalam produk mereka.

## Sokongan Perancis

Pakar pembangunan ekonomi dan industri minyak dunia di Perancis walau bagaimanapun berpendapat kempen global yang memburukkan minyak sawit yang dicituskan aktivis alam sekitar dan industri saingan adalah tidak beretika kerana ia tidak mengambil kira kesahihan fakta.

Pakar minyak sawit, Alain Rival, menyatakan bahawa minyak sawit adalah hasil tanaman yang paling menguntungkan bagi petani kecil. Malah, Institut Économique Molinari, sebuah organisasi penyelidikan polisi awam Perancis yang terkemuka mengeluarkan satu laporan menganalisa dan memaparkan kepalsuan yang dibuat terhadap industri sawit.

“(Tiada) sumber lain minyak sayuran selain minyak sawit yang memerlukan penggunaan tanah

yang minimum serta memberi kalori yang lebih mudah didapati, banyak dan berpatutan kepada manusia di seluruh dunia,” kata penulis dari institusi ini.

Penulis ini turut berpendapat bahawa, bertentangan dengan dakwaan aktivis yang kurang arif, minyak sawit mempunyai kesan positif yang lebih besar kepada kesihatan kardiovaskular berbanding minyak zaitun.

Côte d'Ivoire's Association (AIPH), sebuah persatuan pengeluar minyak sawit di Ivory Coast menghadiri sesi perjumpaan di Paris Tribunal de Commerce yang berkaitan dengan kempen anti-minyak sawit yang dijalankan Systeme U. AIPH bersungguh-sungguh mempertahankan industri minyak sawit global daripada tuduhan tidak berasas yang dilemparkan Systeme U.

## Minyak Sawit yang Diperakui

Industri sawit menghasilkan minyak yang mendapat pensijilan RSPO. Bekalan minyak itu kini meningkat dengan faktor 12.

Apa yang menghairankan ialah minyak sawit ini masih tidak terjual. Pembeli yang menganggotai RSPO yang dulunya menegaskan ingin membeli minyak sawit yang diperakui, masih berdiam diri daripada membeli bekalan yang sedia ada tanpa sebarang penjelasan.

Pasaran Perancis dan pasaran Eropah yang lebih luas perlu diberi penjelasan mengenai kewujudan bekalan yang mencukupi minyak sawit yang diperakui bagi memenuhi permintaan mereka.

Ini memerlukan kesabaran, komunikasi yang berterusan dan usaha perhubungan awam yang berkesan untuk membuah hasil.

Galakan untuk membeli minyak sawit yang diperakui bagaimanapun tidak bertujuan untuk mengenyahkan pembelian minyak sawit daripada petani-petani kecil.

Petani kecil menggunakan 40 peratus daripada jumlah kawasan tanaman sawit di Malaysia manakala peratusan ini adalah lebih besar di negara pengeluar lain. Petani kecil tidak mampu membayar pengauditan mahal untuk mencapai pensijilan.

Namun, ini tidak bermakna hasil mereka kurang mampan berbanding pengeluar korporat yang besar.

Sejak tahun 2002, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) membangunkan sistem pensijilan bagi amalan pertanian baik untuk petani kecil yang dikenali sebagai MPOB Good Agriculture

Practices (GAP).

Piawaian mengenai pengurusan makhluk perosak bersepadu dan amalan pertanian yang lebih baik digunakan secara meluas di seluruh sektor.

Sistem pensijilan ini memastikan piawaian pengeluaran yang tinggi dapat dipatuhi dan menggalakkan amalan yang berupaya meningkatkan hasil dan kecekapan.

Carrefour, satu peruncit besar Perancis yang mempunyai lokasi di seluruh dunia, telah lama menunjukkan komitmen dengan membeli hasil pertanian petani kecil.

Malahan, Systeme U dan Groupe Casino juga boleh melakukan perkara sama dengan memasarkan hasil titik peluh petani kecil di Malaysia yang merupakan antara yang paling produktif di dunia.

## Bekerjasama

Industri minyak sawit mesti menyampaikan mesej penting dan positif mengenai minyak sawit secara berterusan memandangkan Perancis adalah antara pengeluar makanan terkemuka dunia dan pasaran penting untuk masa depan industri sawit Malaysia.


Terkini, Malaysia dan Perancis menubuhkan satu kumpulan kerja untuk berbincang mengenai isu ini menggunakan sains dan mengetengahkan objektiviti.

Pada masa sama, industri minyak sawit perlu bangkit melawan serangan tidak berasas ke atas minyak sawit dan petani Malaysia yang sedang dilakukan para pesaing.

Minyak sawit adalah minyak paling produktif di dunia dan Malaysia akan mempertahankan hak untuk menjual produk unggul ini ke pasaran global.

“(Tiada) sumber lain minyak sayuran selain minyak sawit yang memerlukan penggunaan tanah yang minimum serta memberi kalori yang lebih mudah didapati, banyak dan berpatutan kepada manusia di seluruh dunia”

Penulis,  
Institut Économique  
Molinari



## KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk tidapan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan sumber alam semulajadi untuk kehidupan.

Minyak Sawit Malaysia  
Khasiat sejati. Insang dan kemulajadi.

# Industri sawit mesra alam sekitar

Tanaman sawit merupakan tanaman emas yang tidak ternilai. Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk kehidupan dan membendung pemanasan global. Biojisimnya boleh diguna dan menjadi sumber tenaga boleh diperbaharui. Buahnya membekal vitamin dan tenaga. Ia bukan sekadar minyak sayuran biasa. Peggunaannya dalam pelbagai bidang seperti makanan, kosmetik, bahan bakar dan ubatan. Permintaan ke atas minyak sawit semakin meluas di seluruh negara dan dunia. Kawasan penanaman sawit juga bertambah keluasannya bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun pembangunan kawasan tanaman sawit ini jika tidak diuruskan dengan baik akan menyebabkan pencemaran dan kemusnahan alam sekitar.

Bagi memastikan penanaman sawit dilakukan secara mampan dan mesra alam, beberapa garis panduan, pensijilan dan kod amalan diperkenalkan. Antaranya adalah Kod Amalan MPOB (CoP), Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) dan Amalan Pertanian Baik (GAP). Penanaman sawit secara mampan ini antaranya seperti penggunaan anak benih sawit berkualiti, tanah yang sesuai, menanam kekacang penutup bumi, pembinaan teres dan pengawalan perosak bersepadu bagi mengurangkan penggunaan bahan kimia dan sebagainya. Semuanya ini menjurus kepada penjagaan alam sekitar dan pemuliharaan sumber asli dan biodiversiti.

MPOB sememangnya telah bersedia meningkatkan kesediaan industri dalam menghadapi cabaran global. Penilaian kitaran hayat (LCA) menjadi tunjang dalam penyediaan polisi, kod amalan dan pensijilan di atas. LCA ini menyediakan penilaian terperinci mengenai sejauh mana impak terhadap alam sekitar berlaku sepanjang rantaian bekalan minyak sawit.

Penyelidikan LCA turut meliputi

**PEMENANG PERTAMA**  
**Nur Fatin Nabilah Rahim**  
**(No. K/P: 950504-10-5404)**  
**SMK Jalan Kebun, Seksyen**  
**32, 40460 Shah Alam,**  
**Selangor**

aktiviti di sepanjang kitar hidup penghasilan minyak sawit hingga kepenggunaan biodiesel sawit pada kenderaan. Dari situ penambahbaikan dibuat bagi mengurangkan pencemaran dan pelepasan gas rumah hijau (GHG). Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) MPOB ini, mencetuskan perkembangan industri sawit yang sihat melalui penemuan yang membanggakan negara. Pelbagai langkah lain turut menyusul bagi mengatasi kepincangan yang berlaku dalam industri sawit. Penyediaan langkah penyelesaian yang bijak diterima ramai dan serta akan menyedarkan masyarakat dunia terus diberi perhatian. Ini menunjukkan bahawa industri sawit Malaysia memang bertanggungjawab kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Pelbagai biojisim dijana dalam proses pengeluaran produk sawit. Ia seperti pelepah, batang, tandan buah kosong (EFB), tempurung, gentian mesokarpa dan sisa buangan kilang sawit. Bahan yang banyak ini merupakan tapak karbon industri yang mencemarkan jika tidak diuruskan dengan bijak. Justeru inovasi kreatif R&D terhasil bagi mempelbagaikan penggunaan biojisim. Di antaranya kilang sawit menggunakan tempurung dan gentian mesokarpa sebagai bahan bakar untuk dandang stim. Pelepah sawit dan EFB diletakkan diladang sebagai "mutch" bagi tujuan pembajaan.

Dalam teknik pengkomposan, bahan organik ditukar kepada bahan lain yang boleh diguna semula serta bercirikan mesra alam, bersih dan bertoksik rendah. Ia membo-

lehkan campuran sisa perladangan seperti pelepah, tandan buah kosong dan sisa buangan kilang sawit digunakan semula sebagai baja dan bahan makanan ternakan.

Biojisim sawit juga digunakan sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui. EFB dijadikan bahan bakar bagi menjana tenaga elektrik. Penghasilannya yang banyak dan berterusan berpotensi untuk kilang sawit mengembangkan bidang penjaanaan tenaga elektrik untuk kegunaan di grid nasional. Pada masa ini tidak kurang empat stesen janakuasa elektrik di Malaysia berkapasiti 10 MW telah menggunakan sumber tenaga dijana daripada EFB.

Sisa buangan kilang sawit (POME) pula dapat menghasilkan biogas. Penghasilan biogas dapat digunakan bagi menjana tenaga haba dan elektrik. Secara tidak langsung dapat mengurangkan GHG yang menyumbang pencemaran alam sekitar dan pemanasan global. Kini terdapat hampir 100 kilang sawit menyediakan dan merancang pembangunan fasiliti bagi memerangkap biogas bagi kegunaan dalaman.

Biodiesel sawit adalah bahan bakar mesra alam berasas sawit. Ia menjadi alternatif sumber tenaga baru menggantikan diesel petroleum. Adunan lima peratus biodiesel dengan 95 peratus diesel petroleum menghasilkan kejayaan kerana tiada masalah enjin dilaporkan. Ia mula digunakan sejak 2009 oleh agensi kerajaan sebagai perintis percubaan. Kini Malaysia berbangga kerana mempunyai kilang biodiesel yang menggunakan teknologi MPOB. Disamping itu, lesen terus dikeluarkan kepada pengusaha bagi penghasilan biodiesel. Dianggarkan jumlah kapasiti tahunan melebihi 6 juta tan.

Contoh di atas merupakan kejayaan Malaysia menjenamakan industri sawit yang mampan lagi mesra alam. Ia menolak tohmahan badan bukan kerajaan (NGO) yang memburukkan industri ini khasnya berkaitan alam sekitar.

## Peraduan mengarang esel Berita Sawit Bulan November 2012

**PERADUAN** ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

**Tajuk: "Koperasi pekebun kecil sawit meningkatkan pendapatan. Bincangkan"**.

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;  
 Hadiah Pertama : RM250  
 Hadiah Kedua : RM200  
 Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Disember 2012 akan datang.

### Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar se-

kolah menengah tingkatan 1 hingga 5

2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan

3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekitarnya ada)

4. Keputusan juri adalah muktamad

5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 November 2012

6. Hantarkan penyertaan ke alamat:

Peraduan Mengarang  
 Esei Berita Sawit  
 Ibu Pejabat MPOB  
 6, Persiaran Institusi,  
 Bandar Baru Bangi,  
 43000 Kajang, Selangor  
 u/p: Noor Asmawati  
 Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Oktober 2012.

### Pemenang:

#### Hadiah Pertama

Nur Fatin Nabilah bt Rahim  
 (No. K/P: 950504-10-5404)  
 SMK Jalan Kebun, Seksyen 32,  
 40460 Shah Alam,  
 Selangor.

#### Hadiah Kedua

Muhammad Izzuddin  
 Mohd Fauzi  
 (No. K/P: 950824-03-5193)  
 SMK (A) Maahad Tarbiah  
 Marziah,  
 Panchor, 16100 Kota Bharu,  
 Kelantan.

#### Hadiah Ketiga

Nur Atikah Alias  
 (No. K/P: 960917-08-5084)  
 SMK Sultan Abdul Aziz,  
 36000 Teluk Intan, Perak.

## KUIZ SAWIT siri 23

### Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah;
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang;
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **22 November 2012**
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :



### Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 23)  
 Ibu Pejabat MPOB  
 6, Persiaran Institusi,  
 Bandar Baru Bangi,  
 43000 Kajang, Selangor  
 (UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

### Soalan Kuiz Sawit Siri 23

1. Jentera pengangkut sawit ini dicipta khas untuk digunakan di kawasan bertanah gambut dan lembut.  
 Beluga  Rhyno  Grabber
2. Singkatan kepada Pameran Perdagangan dan Seminar Sawit dalam bahasa Inggeris ialah...  
 POTS  PTS  OPTS
3. WAZA adalah akronim kepada....  
 Persatuan Zoo Sedunia  Persatuan Akuarium Sedunia  
 Persatuan Zoo dan Akuarium Dunia
4. LCA dalam industri sawit adalah bermaksud  
 Penilaian Kitaran Hidup  Pemahaman Kitaran Hidup  
 Pemulihan Kitaran Hidup
5. Pekebun kecil sawit digalakkan menyertai koperasi bagi menambah pendapatan melalui amalan sawit mampan. MPOB telah melancarkan koperasi khas bagi tujuan berkenaan yang dikenali sebagai...  
 Koperasi Pekebun Kecil Sawit  Koperasi Penanam Sawit Mampan  
 Koperasi Pekebun Sawit Mampan
6. Dalam industri sawit, BTS adalah singkatan bagi...  
 Buah tandan sawit  Buah tandan segar  Buah tanda separa
7. Kursus ini mampu melahirkan pekerja mahir ladang sawit. Apakah nama kursus tersebut?  
 Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML)  Kursus Ladang Sawit  
 Kursus Sawit
8. Batang sawit tidak sesuai bagi menghasilkan perabot  
 Betul  Salah
9. Minyak sawit boleh menghasilkan santan  
 Betul  Salah
10. Mana satu yang bukan aktiviti haram/salah industri sawit  
 Jual buah sawit muda  Sedut curi minyak sawit  
 Jual anak benih sawit berkualiti

### Borang Penyertaan Siri 23

Nama : \_\_\_\_\_  
 Tahap : \_\_\_\_\_  
 Alamat Sekolah : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 Alamat Rumah : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 No. Tel: \_\_\_\_\_

### Nama pemenang Siri 22

1. **Muhammad Yusuf Hushain**  
 Sek. Keb. Seri Duyung, Duyung, Melaka
2. **Ainul Mardhiah bt Noorsham**  
 SJK (C) Kg. Baru Paroi, Seremban, Negeri Sembilan
3. **Nur Adawiyah Syazliana bt Roslizam**  
 Sek. Keb. Felda Pemanis Dua, Segamat, Johor
4. **Fahmi Hamdi b. Zolhairi**  
 Sek. Rendah Islam Integrasi Darul Ulum, Seremban, Negeri Sembilan
5. **Muhammad Firdaus Rohaidi**  
 Sek. Keb. Seremban Jaya, Seremban, Negeri Sembilan
6. **Khairul Hilmi b. Sinar**  
 Sek. Keb. Datuk Akhir Zaman, Rantau, Negeri Sembilan
7. **Aliuddin Akma b. Saimi**  
 Sek. Keb. Tangga Batu, Sungai Udang, Melaka
8. **Arif Danial Abd Latif**  
 Sek. Keb. Jalan Semenyih, Kajang, Selangor
9. **Nur Aliah Abdullah**  
 Sek. Keb. Korok Lama, Alor Setar, Kedah
10. **Nur Athirah bt Alias**  
 Sek. Keb. Convent, Teluk Intan, Perak



Datuk Seri Najib Abdul Razak mendengar taklimat dari Timbalan KSU MPIC, Ahmad Sanuri Shahid (kiri) semasa lawatan di gerai pameran MPIC dan agensi sempena program **Hello Komoditi dan Janji Ditepati** peringkat negeri Sabah di Kudat baru-baru ini.

Tan Sri Bernard Dompok menandatangani buku pelawat semasa lawatan di **gerai pameran MPOB sempena POTS 2012**. Turut kelihatan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala (kiri), Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kanan) dan Dr Burhanudin Abdul Salam (kanan).



Datuk Dr Choo Yuen May (tengah) **menerima kunjungan** Duta Peru ke Malaysia, Marco Vinicio Balarezo (kiri) yang melawat MPOB baru-baru ini. Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

Tan Sri Bernard Dompok memukul gong bagi merasmikan **Persidangan Pekebun Kecil dan Usahawan Komoditi Kebangsaan 2012** di Melaka baru-baru ini. Turut kelihatan KSU MPIC, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim (dua dari kanan) dan Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad.



Tan Sri Bernard Dompok, Ahmad Sanuri Shahid dan Datuk Dr Choo Yuen May bersama wakil syarikat perladangan sawit yang bersetuju menyertai **'Skim Percubaan Penggunaan CANTAS'** sempena perasmian Seminar PalmMech 2012 baru-baru ini.